



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (014-032)

Kesalahan Morfologi Golongan Kata: Satu Tinjauan Terhadap Pelajar Cina dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

¹Hasanah Adon, ^{*2}Rozita Che Rodi, ³Rohaidah Kamaruddin & ⁴Zuraini Jusoh

¹adonhasanah@gmail.com, ^{*2}ita_cherodi@upm.edu.my, ³rohaidah_k@upm.edu.my & ⁴zurainijusoh@upm.edu.my

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia*

¹Penulis Utama, ^{*2}Penulis Koresponden

Tarikh terima : 19 Ogos 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 20 November 2024
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025
Published online

Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan kesalahan golongan kata mengikut penggolongan kata Nahu Melayu Mutakhir oleh Asmah Haji Omar (2015). Sampel kajian terdiri daripada 50 orang pelajar Cina Tahap 2 di enam buah sekolah SJKC di Daerah Asajaya. Data kajian terdiri dari Kertas Ujian PraUPSR AR2 Bahasa Melayu dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesalahan Bahasa oleh Corder (1981). Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks. Hasil kajian menunjukkan banyak kesalahan morfologi golongan kata yang menggambarkan masalah dalam penguasaan morfologi oleh pelajar Cina. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 676 kekerapan kesalahan kata. Kesalahan dalam aspek yang dikaji mengikut urutan terbanyak adalah penggunaan kata karyaan sebanyak 387 kekerapan kesalahan (57.25%), diikuti dengan penggunaan kata benda sebanyak 215 kekerapan kesalahan (31.8%), dan penggunaan kata adverba sebanyak 74 kekerapan kesalahan (10.95%). Kajian ini amat penting untuk memastikan setiap pelajar bukan penutur jati dapat menguasai dan fasih berbahasa Melayu seterusnya lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

Kata kunci: Morfologi; Golongan Kata; Pelajar Cina; Pembelajaran Bahasa Melayu.

Morphological Errors in Word Groups: A Study of Chinese Students in Malay Language Acquisition

Abstract

This study aims to identify and classify errors in lexical categories according to the grammatical categories established in Asmah Haji Omar's Modern Malay Grammar (2015). The research involved a sample of 50 Stage 2 Chinese students from six SJKC schools in the Asajaya District. Data were collected from the Pre-UPSR AR2 Malay Language Examination Papers and analyzed using Corder's (1981) Theory of Error Analysis. The methodology utilized is text analysis. The findings indicate a significant prevalence of morphological errors, reflecting deficiencies in

morphological competence among Stage 2 Chinese students. Overall, the study reports 676 instances of lexical errors. Errors were most frequently observed in the use of karyaan words (387 errors, or 57.25%), followed by benda words (215 errors, or 31.8%), and adverbs words (74 errors, or 10.95%). This study is crucial to ensure that every non-native student can master and become fluent in the Malay language, ultimately achieving excellent results in their examinations.

Keywords: Morphology; Word Groups; Chinese Students; Malay Language Acquisition.

1. Pengenalan

Pembelajaran bahasa Melayu menjadi penting kepada pelajar-pelajar setelah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyeragamkan pelaksanaan dasar pendidikan bahasa. Melalui dasar ini bahasa pengantar peperiksaan menggunakan bahasa Melayu. Oleh itu pelajar-pelajar perlu menguasai bahasa Melayu dengan baik dan salah satunya adalah dalam aspek kata dan golongan kata. Penggunaan kata dan golongan kata yang tepat merupakan salah satu daripada aspek kemahiran bahasa yang penting yang perlu dikuasai setiap individu untuk membolehkannya menguasai bahasa yang dipelajari dengan cekap dan berkesan. Sehubungan dengan itu, maka kajian ini dijalankan untuk melihat penggunaan bahasa yang tidak tepat dalam bahasa Melayu yang tercakup dalam bidang morfologi, iaitu berkaitan dengan jenis kata dan golongan kata yang digunakan oleh pelajar dalam konteks penulisan.

Penggolongan kata merupakan proses menjeniskan dan mengelompokkan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama (Zaharani dan Harishon, 2000). Perkataan dalam sesuatu bahasa dapat digolongkan berdasarkan beberapa kriteria, misalnya kriteria morfologi.

Penguasaan kemahiran berbahasa membolehkan pelajar menyampaikan idea dan pendapat baik secara lisan dan tulisan, situasi formal atau tidak formal. Penguasaan bahasa yang mantap juga memungkinkan pelajar menjawab soalan bukan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tetapi juga dalam mata pelajaran yang lain dengan baik dan berkesan. Kerelevanan kepada pelajar, guru, dan sekolah juga dapat memanfaatkan maklumat hasil daripada kajian ini dalam meningkatkan prestasi penguasaan bahasa Melayu pelajar, mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pelbagai pihak dapat berusaha untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik demi kebaikan bersama serta merangka strategi yang sesuai untuk menangani masalah kelemahan penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina dengan berkesan selaras dengan tuntutan mengantarabangsakan pendidikan negara.

Konklusinya, selepas merdeka dan berada di bawah bumbung Malaysia untuk sekian lama, tidak harus ada lagi rakyat Malaysia, khususnya daripada kalangan generasi muda dan baharu, tidak menguasai bahasa Melayu. Keadaan ini bukan sahaja mengejutkan dan memalukan malah menjejaskan hasrat dan aspirasi negara Madani.

1.1 Pernyataan Masalah

Penguasaan bahasa Melayu amat penting untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu pelajar Cina. Penguasaan bahasa Melayu penting untuk pelajar lulus subjek Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Namun, permasalahan wujud dan menjadi isu nasional disebabkan pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dikatakan lemah dalam Bahasa Melayu hingga mengakibatkan mereka tidak dapat menguasai mata pelajaran lain yang diajar menggunakan bahasa Melayu. Implikasinya mereka tidak dapat berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Melayu. Isu ini menerbitkan pelbagai masalah lain yang berkaitan jati diri dan maruah negara, perpaduan serta semangat cinta akan negara mereka dipertikai, (Jeniri Amir, 2015).

Adalah penting untuk mencari punca ketidakupayaan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan warganegara kerana masih ramai tidak dapat bertutur atau menulis dalam bahasa Melayu dengan lancar. Malah ramai memilih menggunakan bahasa asing dalam kehidupan seharian. Ini menimbulkan persoalan mengenai kedudukan sebenarnya jati diri orang Malaysia mengagungkan bahasa Melayu. Memang pelik dan janggal jika sudah berdekad lamanya tinggal di bumi Malaysia dan beranak-pinak di negara ini tetapi masih tidak dapat bertutur bahasa Melayu dengan lancar. Ini satu ketidakpatuhan terhadap hakikat menjadi warganegara Malaysia, (Mohd Azmi, 2023).

Masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina khususnya di SJKC dikatakan amat membimbangkan dan telah menjadi isu nasional. Kelemahan penguasaan murid Cina dalam aspek Bahasa Melayu bukan sahaja boleh menjejaskan keyakinan mereka tetapi juga ketepatan penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Justeru isu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina ini tidak boleh dipandang enteng dan perlu diatasi dengan kadar segera (Datuk Seri Najib Tun Razak, 2017).

Masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina dapat dikaitkan dengan kelemahan penguasaan morfologi murid Cina, malah terdapat juga dalam kalangan pelajar ini yang tidak mengenal huruf (Abdul Rashid F., 2022). Kegagalan murid Cina menguasai morfologi ini menyukarkan murid Cina untuk mempelajari Bahasa Melayu sekali gus menyebabkan pencapaian mereka dalam peperiksaan Bahasa Melayu berada pada tahap yang tidak baik. Kurangnya pengetahuan tentang peraturan Nahu Melayu Mutakhir, iaitu Nahu Melayu yang menjadi asas penggunaan bahasa Melayu sekarang ini (Asmah Haji Omar, 2015) dan pengajaran morfologi yang tidak disesuaikan dengan keperluan pelajar mungkin menyumbang kepada masalah ini, Nurul Adzwa, Nur Farakhanna Mohd Rusli dan Norfaizah Abdul Jobar (2020), dan Mohd Saiful Othman & Nor Azwahanum Nor Shaid (2021).

Tuntasnya, masalah kelemahan penguasaan bahasa Melayu oleh penutur bukan jati menyebabkan banyak gejala yang menyimpang dari peraturan nahu dan panduan kesantunan Melayu berlaku dalam penggunaan bahasa sekarang (Asmah Haji Omar, 2015).

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk:

- i. mengenal pasti kesalahan morfologi dari aspek kata oleh pelajar Cina; dan
- ii. mengklasifikasikan kesalahan kata mengikut penggolongan kata Nahu Melayu Mutakhir.

1.3 Batasan Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan kepada analisis kesalahan morfologi oleh pelajar Cina Tahap 2 di enam buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Asajaya. Penginterpretasian kesalahan morfologi oleh pelajar Cina menggunakan pendekatan analisis kesalahan Teori Analisis Kesalahan Bahasa oleh S.P Corder (1981), iaitu dengan menghuraikan secara konkrit setiap kesalahan bahasa yang dikenal pasti. Perbincangan dan implikasi berdasarkan dapatan kajian hanya terbatas kepada sampel jawapan pelajar Cina. Generalisasi juga tertumpu kepada skop yang dikaji semata-mata. Selain itu, kajian ini hanya tertumpu pada Kertas Pemahaman dan Kertas Penulisan AR 2 Bahasa Melayu yang dikaji. Kajian ini juga terbatas kepada aspek morfologi kata dan golongan kata menurut Nahu Melayu Mutakhir Asmah Haji Omar (2015). Nahu Melayu Mutakhir memberikan penjelasan yang lebih deskriptif tentang penggunaan bahasa dalam konteks sebenar mengambil kira perubahan dan perkembangan dalam bahasa Melayu, menjadikannya lebih relevan dengan situasi semasa. Dengan pendekatan yang lebih moden dan praktikal, Nahu Melayu Mutakhir sesuai untuk pelajar yang ingin memahami bahasa Melayu dalam konteks yang lebih luas.

2. Kajian Literatur

Terdapat banyak kajian lepas yang ada kaitan dengan kesalahan morfologi Bahasa Melayu. Ini membuktikan kajian berkaitan kelemahan penguasaan morfologi bahasa Melayu dalam kalangan penutur bahasa kedua amat penting dan sangat relevan dalam tuntutan memartabatkan sekali gus memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu, bahasa pengantar dan bahasa perpaduan yang menjadi lambang jati diri dan maruah negara mutakhir ini. Pastinya kajian ini berbeza dengan kajian lepas dengan objektif kajian serta pendekatan dan aplikasi teori yang telah dipilih. Antara kajian lepas yang berkaitan kesalahan morfologi bahasa Melayu yang dilakukan oleh para sarjana adalah seperti yang berikut:

Jadual 1: Senarai Kajian Berkaitan Kesalahan Morfologi Bahasa Melayu

Bil	Tahun	Penulis	Tajuk
1	2018	Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah.	Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi
2	2022	Abdul Rashid, F.	Cabaran Belajar Subjek Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bukan Bumiputera di Sarawak
3	2018	Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar, Puteri Roslina Abdul Wahid.	Kecelaruan Morfologi dalam Penulisan Bahasa Melayu Oleh Penutur Asing
4	2020	Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Shari.	Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dari Aspek Morfologi dalam Penulisan Karangan pelajar Sekolah Rendah
5	2021	Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif.	Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Bahasa Melayu Pelajar Antarabangsa
6	2023	Nurul Jamilah Rosly & Nor Zainiyah Zarita Mokhtar.	Analisis Kesalahan Tatabahasa dalam Kalangan pelajar Orang Asli Jakun Lenga, Muar Johor
7	2021	Magesvaran, U., Mahamod, Z., Mahad, I., & Syuhada, I. N.	Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina)
8	2021	Isabella Jali.	Analysing Grammar Errors in Malay Language Learning
9	2020	Irmawati, E., Sari, N. P. I., & Kusumahastuti, P. A.	Analisis Kesalahan Berbahasa Bidang Morfologi dan Ejaan pada Judul YouTube di Chanel Baim Paula
10	2021	Hamdani Fajar Apriwulan, Tutut Romania, Mita Restiana.	Analisis Kesalahan Berbahasa Pada Baliho Makanan (Kajian Morfologi)
11	2020	Zackqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin.	Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan
12	2021	Chew Fong Peng & Siti Hajar Abdul Rahman.	Cabaran Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan
13	2019	Amirra Shazreena Aminul Razin & Subramaniam, V. L.	Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam Kalangan Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)

Biarpun banyak kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana bahasa berkaitan kesalahan bahasa namun pengkaji ingin mengkaji masalah penguasaan morfologi oleh pelajar Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu yang melibatkan pelajar Cina sekolah rendah khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Analisis kesalahan bahasa merupakan pengajaran bahasa yang mengkaji kesalahan bahasa yang dilakukan oleh seseorang menggunakan Teori Analisis Kesalahan Bahasa yang dipelopori oleh Corder (1981) masih kekal relevan sehingga kini untuk kajian berkaitan masalah kesalahan bahasa penutur bukan jati. Kesalahan ini merupakan bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku. Kesalahan itu meliputi semua aspek, iaitu tatabahasa, ejaan, sebutan dan penggunaan istilah. Corder

(1981) menyatakan bahawa terdapat perbezaan pengertian kesalahan bahasa berdasarkan sebab-sebabnya, iaitu keliru (*mistakes*), kesilapan (*lapses*) dan salah (*errors*). *Mistakes* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana penulis tidak menggunakan bahasa secara tepat. *Lapses* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana beralihnya topik perbincangan. *Errors* pula merupakan penyimpangan pemakaian bahasa dari struktur baku kerana pemakai belum menguasai kaedah bahasa.

Menurut Asmah Haji Omar dalam Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima (3:2015), menggolongkan kata kepada tiga golongan besar, iaitu golongan kata benda, golongan kata karyaan dan golongan kata adverba. Kesalahan kata oleh pelajar Cina dalam Kertas Bahasa Melayu Pemahaman dan Kertas Bahasa Melayu Penulisan AR2 yang telah dianalisis dapat digolongkan mengikut jenis golongan kata dan subgolongannya secara terperinci.

Sebagai unit nahu, kata dilihat dalam fungsinya sebagai unsur frasa dan ayat. Dalam hubungan ini kita melihat bagaimana kata digunakan dalam pembentukan frasa dan ayat. Untuk tujuan ini, kita terlebih dahulu harus melihat kata dalam penggolongannya sebagai kata penuh, partikel, kata nama, kata ganti, kata kerja, adjektif, adverba, dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 21-24:2015).

Kata boleh dimasukkan ke dalam golongan tertentu berdasarkan ciri-ciri sintagmatik dan paradigmatis. Ciri sintagmatik sesuatu kata itu memperlihatkan (i) fungsi kata itu dalam struktur tertentu, dan (ii) hubungannya dengan kata-kata lain dalam struktur yang sama. Berdasarkan kaedah yang diuraikan di atas itu, maka kata sempurna dalam bahasa Melayu dibahagikan ke dalam golongan-golongan berikut:

- i. Benda dengan subgolongan nama, ganti nama, dan bilangan; dan masing-masing dibahagikan lagi kepada subgolongan yang kecil.
- ii. Karyaan dengan subgolongan kerja dan sifat dan subgolongan masing-masing.
- iii. Adverba dengan subgolongannya.

Tuntasnya, pengaplikasian Teori Analisis Kesalahan Bahasa yang disarankan oleh Corder (1981) serta pendekatan Nahu Melayu Mutakhir adalah bertepatan dengan tujuan penyelidikan ini.

Kajian lalu yang berkaitan kesalahan bahasa serta kelemahan penguasaan bahasa Melayu oleh penutur bahasa kedua turut disentuh oleh ramai pengkaji. Bermula dengan Nora'Azian Nahar (2020) dalam dapatan kajiannya menunjukkan skor bagi keempat-empat ujian profesiensi yang telah dijalankan adalah pada peringkat sederhana malah dapatan bagi kemahiran menulis adalah pada peringkat yang lemah. Keputusan bagi keseluruhan tahap profesiensi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara majoriti pelajar mendapat tahap 5 (hampir profesien), iaitu sebanyak 29% (120 orang), tiada pelajar yang mendapat tahap 1 dan tahap 8. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perkaitan yang besar antara profesiensi bahasa Melayu dengan pencapaian akademik. Hanya pelajar yang cekap mendengar, fasih bertutur, lancar membaca dan mahir menulis terutama dalam bahasa kedua yang dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Nurul Ain Alizuddin & Nur Athirah Nik Mohd Arif (2021) dalam kajiannya menganalisis dan membincangkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar antarabangsa yang mempelajari kursus Bahasa Melayu Pertengahan yang ditawarkan oleh PBP. Kajian ini dilakukan terhadap 26 orang pelajar antarabangsa dari negara China, Indonesia, Bangladesh dan Mesir. Data kajian diambil berdasarkan tugas penulisan dua esei pendek bertemakan percutian dan perayaan di Malaysia. Bahan kajian yang telah dipilih dianalisis menggunakan Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1981). Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis teks. Dapatan kajian menunjukkan terdapat banyak kesalahan bahasa yang dilakukan pelajar dalam penulisan esei seperti kesalahan penggunaan aspek morfologi, frasa dan sintaksis. Walau bagaimanapun, analisis kajian ini hanya tertumpu kepada kesalahan aspek morfologi dan ortografi.

Hasil kajian menunjukkan terdapat banyak aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar antarabangsa. Kebanyakan kesalahan ini berlaku disebabkan gangguan bahasa ibunda dan faktor latar belakang negara yang berbeza. Dapatan kajian diharapkan dapat menangani masalah pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa yang sedang mempelajari BM dan dapat meningkatkan penguasaan bahasa mereka.

Pendapat yang sama turut disokong Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar, Norazimah Zakaria (2021) dalam kajian mereka untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu berdasarkan teori analisis kontrastif. Seramai 27 orang pelajar Cina tingkatan 1 di SMK Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor dipilih sebagai responden kajian. Kajian menggunakan reka bentuk kajian tinjauan mendapati terdapat empat kesilapan sebutan terhadap bunyi konsonan yang dilakukan responden, iaitu (i) kesilapan penggantian bunyi, (ii) penambahan bunyi, (iii) pengguguran bunyi dan (iv) kesilapan gramatikal. Hasil kajian juga menunjukkan kesilapan yang berlaku berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda responden, iaitu bahasa Mandarin dan disebabkan oleh faktor interlingual responden yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang lemah.

Pandangan yang senada turut diutarakan oleh Abdul Rashid, F. (2022) pula dalam kajiannya Cabaran Belajar Subjek Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bukan Bumiputera di Sarawak yang bertujuan untuk mengenal pasti kekangan dalam mempelajari subjek Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan bumiputera di Sarikei, Sarawak. Masyarakat bukan bumiputera merupakan kaum majoriti di Daerah Sarikei, Sarawak. Masyarakat bukan bumiputera tersebut berfokus kepada masyarakat berbangsa Cina dari keturunan etnik Foochow, Kantonis dan Hokkien. Oleh sebab itu, majoriti pelajar di sekolah ini adalah merupakan pelajar berbangsa Cina dan minoritinya adalah kaum bumiputera. Setiap pelajar yang mendapat pendidikan formal di sekolah kerajaan harus mempelajari dan menguasai serta sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi membolehkan mereka mendapat sijil penuh. Keputusan ujian dan peperiksaan SPM mendapati bahawa pelajar bukan bumiputera ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan pelajar yang lemah dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Pencapaian pelajar yang lemah dalam mata pelajaran bahasa Melayu mendorong kajian ini dijalankan. Data daripada kajian ini dikutip melalui temu bual, pemerhatian dan ujian yang dijalankan ke atas 127 orang pelajar bukan bumiputera sebagai sampel. Temu bual juga melibatkan beberapa pihak lain seperti guru mata pelajaran, guru kelas, ibu bapa dan kapitan tempatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar bukan bumiputera yang lemah ini sangat kritikal kerana terdapat sesetengah daripada mereka sukar untuk memahami kosa kata malah terdapat juga dalam kalangan pelajar ini yang masih tidak mengenal huruf. Antara faktor yang dikenal pasti mempengaruhi pencapaian mereka adalah pengaruh bahasa ibunda, perbezaan budaya, asas pendidikan di sekolah rendah, sikap pelajar dan ibu bapa, latar belakang ekonomi, persekitaran, gaya pengajaran dan pembelajaran serta hubungan antara pelajar dengan guru. Kajian ini memberi sumbangan kepada para guru dan pentadbir sekolah untuk meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan bumiputera.

Ringkasnya, biarpun terdapat banyak kajian oleh para sarjana dalam usaha untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina yang kini menjadi isu nasional, namun ketandusan kajian dan kerelevanan kajian berkaitan permasalahan itu secara berfokus telah mendorong suatu analisis secara rinci dilakukan.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian lapangan secara deskriptif dengan maklumat kualitatif, iaitu melalui pemerhatian dan analisis kesalahan dengan deskriptif. Sejumlah 50 skrip jawapan Kertas 1 dan Kertas 2 pelajar Tahap 2 yang berbangsa Cina telah dianalisis untuk dijadikan sampel dalam kajian ini.

Seterusnya, kesemua skrip jawapan ini telah dianalisis bagi mengenal pasti kesalahan dari aspek morfologi yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina. Penganalisan data dibuat berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa yang dipelopori oleh Corder (1981). Seterusnya dengan menggunakan teori yang sama pula, Nur Jamilah Rosly (2021) telah menganalisis kesalahan bahasa dalam penulisan Bahasa Melayu pelajar antarabangsa telah berjaya dengan mengaplikasikan beberapa prosedur perlu dipatuhi, iaitu selepas mengenal pasti kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, kesalahan tersebut dijelaskan dan dihuraikan seterusnya dibuat pembetulan. Kemudian, kesalahan yang telah dikenal pasti akan ditentukan kekerapannya. Akhir sekali kesalahan yang telah dikenal pasti akan digolongkan mengikut penggolongan kata dalam Nahu Melayu Mutakhir (Asmah Haji Omar, 2015).

Dalam kajian ini, analisis data dilakukan berdasarkan analisis teks. Data kajian melibatkan aktiviti penyelidikan seperti mengumpul, mengolah, menganalisis data daripada bahan kajian dalam bentuk dapatan kajian.

Kajian deskriptif ini dijalankan untuk menentukan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dari aspek morfologi mengikut pendekatan Asmah Haji Omar dalam Nahu Melayu Mutakhir (2015) membolehkan setiap kesalahan kata dianalisis dan dihuraikan serta penggolongan kata setiap jenis kesalahan kata yang berlaku. Analisis data dilakukan selepas pengumpulan data-data primer.

Tujuan menjalankan analisis data adalah untuk menjelaskan data-data yang dikumpul kepada bentuk yang lebih ringkas dan mudah difahami. Setiap kesalahan kata yang dihasilkan direkod dalam borang kesalahan kata. Kesalahan yang dilakukan akan ditanda, dicatatkan dalam borang kesalahan. Data yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif dan kualitatif untuk mendapatkan kekerapan dan peratus kesalahan.

Data kuantitatif yang diperoleh akan dipersembahkan dalam bentuk peratus, jadual kekerapan dan peratusan dan carta pai. Data yang diperoleh daripada borang analisis kesalahan morfologi dianalisis secara terperinci supaya dapat menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini telah menggunakan pengiraan secara manual data primer, iaitu semua dapatan pelajar dan ditukar kepada kuantiti kekerapan dan peratus untuk menterjemahkan data yang diperoleh. Selepas itu jadual dan graf dibentuk supaya setiap data yang dikumpul lebih mudah difahami dalam bentuk jadual dan carta pai.

3.2 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di enam buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Daerah Asajaya, Samarahan, Sarawak. Kesemua sekolah ini dipilih kerana dapat memenuhi syarat dan keperluan kajian. Sekolah-sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana pelajar-pelajar Cina di sekolah ini paling ramai dan berasal daripada pelbagai kampung yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari sudut sosioekonomi, pertuturan di rumah dan jumlahnya mencukupi untuk kajian dilaksanakan.

3.3 Persampelan

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan. Menurut Chua Yan Piaw (2014) persampelan bertujuan adalah sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu telah dipilih sebagai sampel. Kajian ini melibatkan 50 sampel, iaitu pemilihan sampel menggunakan kaedah “*intact grouping*”. Melalui kaedah ini keseluruhan anggota populasi kajian telah diambil sebagai sampel kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada semua pelajar Cina Tahap 2 yang dipilih memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji, iaitu pelajar berbangsa Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua daripada enam buah sekolah SJKC di Daerah Asajaya. Mereka terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki dan 16 orang pelajar perempuan. Pemilihan sampel dan populasi dibuat berdasarkan senarai yang diperoleh daripada Pejabat Pelajaran Daerah. Borang maklumat responden digunakan bertujuan untuk mengenal pasti sampel

yang sesuai dengan objektif kajian memandangkan terdapat pelajar bukan berketurunan Cina yang belajar di SJKC ini seperti Melayu, Iban, Bidayuh dan sebagainya. Maklumat responden penting untuk pemilihan sampel yang tepat. Teknik persampelan bertujuan adalah persampelan bukan kebarangkalian/bukan rawak yang dipilih berdasarkan ciri-ciri populasi dan objektif kajian. Persampelan bertujuan ini merupakan persampelan yang bersifat pertimbangan (*judgemental*), selektif atau subjektif. Persampelan jenis ini sangat berguna dalam situasi pengkaji perlu mencapai sampel yang disasarkan dengan cepat dan mudah. Teknik persampelan bertujuan ini memilih sampel yang dijangka dapat menjawab objektif kajian (Mohd Alif, 2018) dalam kajian Nur Hanisah, (2021).

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen set soalan Kertas Ujian AR2 PraUPSR Bahasa Melayu Kertas Pemahaman 021 dan Kertas Penulisan 022 digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Untuk mendapatkan data yang diperlukan, setiap sampel diminta menjawab kertas ujian tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Skrip jawapan sampel telah dianalisis untuk tujuan kajian berdasarkan teori dan pendekatan yang dipilih. Set soalan lengkap Kertas Pemahaman dan penulisan mengikut format peperiksaan UPSR sebenar mengandungi Bahagian A dan Bahagian B untuk Kertas Pemahaman, manakala Kertas Penulisan mengandungi Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C yang disediakan oleh Jawatankuasa Akademik Sekolah-Sekolah Rendah Aliran Bahasa Cina Daerah Samarahan. Kesalahan morfologi dari aspek kata dalam kertas ujian pelajar Cina dikenal pasti dan diklasifikasikan mengikut penggolongan kata dalam Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima oleh Asmah Haji Omar (2015). Jenis kesalahan yang dikenal pasti ialah morfologi dari aspek kata dan golongan kata. Pemberian markah adalah berdasarkan skema pemarkahan yang ditetapkan manakala penentuan gred markah dan tahap penguasaan adalah berpandukan penskoran Ujian Penilaian Sekolah Rendah oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kesalahan Kata Mengikut Penggolongan Kata Nahu Melayu Mutakhir

Dapatan kesalahan morfologi golongan kata benda mengikut penggolongan kata Nahu Melayu Mutakhir dalam kalangan pelajar Cina yang telah dikaji dipaparkan seperti berikut:

Jadual 2: Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Kedua-Bahasa Diraja dari Golongan Kata Benda

Salah	Betul
S1. “Mengapakah baginda bermuram durja?” Tanya Tun Mamat kepada Sultan Aminudin Arif.	S4. “Mengapakah tuanku bermuram durja?” Tanya Tun Mamat kepada Sultan Aminudin Arif.
S2. “Mengapakah kami bermuram durja?” Tanya Tun Mamat kepada Sultan Aminudin Arif.	
S3. “Mengapakah mereka bermuram durja?” Tanya Tun Mamat kepada Sultan Aminudin Arif.	

Huraian: Dalam Jadual 2 di atas kata ganti nama diri kedua tuanku digunakan ketika bercakap untuk menggantikan diri kedua bagi sultan atau raja, manakala baginda, kata ganti nama diri ketiga, untuk menyebut orang yang menjadi raja atau sultan. Menurut Asmah Haji Omar (87: 2015) ada perkataan khas bagi ganti nama dalam bahasa diraja, iaitu diri pertama (beta, patik), diri kedua, (tuanku) dan diri ketiga (tuanku) daripada subgolongan kepada golongan kata benda. Beta dan patik berbeza dalam pemakaiannya sungguhpun kedua-duanya merujuk kepada orang pertama. Tuanku digunakan oleh rakyat apabila bercakap dengan raja yang memerintah untuk merujuk kepada raja yang berkenaan. Penggunaan kata yang tepat ialah tuanku dalam ayat (S4). Dalam konteks ini kata ganti nama diri kedua tuanku digunakan ketika bercakap untuk menggantikan diri kedua bagi sultan atau raja. Dalam hal ini tuanku berfungsi sebagai ganti nama diri kedua. Kata yang sama berfungsi sebagai pengganti nama orang ketiga jika rakyat merujuk kepada raja yang

memerintah atau isterinya, apabila bercakap dengan orang lain. Dalam kedua-dua fungsi itu tuanku menunjukkan proses pandang ke atas. Ayat (S1) salah kerana perkataan baginda, kata ganti nama diri ketiga untuk menyebut orang yang menjadi raja atau sultan. Tuanku digunakan oleh rakyat apabila bercakap dengan raja yang memerintah untuk merujuk kepada raja yang berkenaan. Ayat (S2) dan (S3) salah kerana perkataan kami dan mereka untuk ganti nama bahasa biasa.

Jadual 3: Kesalahan Penggunaan Kata Penjodoh Bilangan dari Golongan Kata Benda

Salah	Betul
S5. Puan Asma memasukkan beberapa buah garam dan serbuk perasa ke dalam masakannya.	S8. Puan Asma memasukkan beberapa cubit garam dan serbuk perasa ke dalam masakannya.
S6. Puan Asma memasukkan beberapa punting garam dan serbuk perasa ke dalam masakannya.	
S7. Puan Asma memasukkan beberapa kumpulan garam dan serbuk perasa ke dalam masakannya.	

Huraian: Dalam Jadual 3 di atas, penjodoh bilangan ialah perkataan yang digunakan selepas kata bilangan dan sebelum kata nama untuk menjelaskan jenis dan bilangan kata nama itu. Kata bilangan ialah kata yang digunakan untuk menghitung sesuatu frasa nama, orang, binatang, benda, atau perkara. Kata bilangan hendaklah digunakan dengan betul supaya menepati konteks atau maksud ayat. Menurut Asmah Haji Omar (98: 2015) kata bilangan adalah daripada subgolongan kepada golongan kata benda. Kata bilangan boleh berfungsi (dengan atau tanpa kata nama) pada subjek atau objek ayat. Kata bilangan boleh dibahagikan kepada dua subgolongan utama, iaitu kata bilangan kardinal dan kata bilangan ordinal. Kata bilangan kardinal boleh dibahagikan kepada kata nombor dan kata kuantiti. Kata kuantiti adalah kata kardinal yang jumlahnya tidak semuanya nyata. Penggunaan kata cubit digunakan untuk menunjukkan kuantiti kardinal benda yang diambil dengan hujung jari seperti garam, gula dan sebagainya. Perkataan beberapa cubit merupakan kata kardinal yang jumlahnya tidak semuanya nyata. Ayat (S5), (S6) dan (S7) salah kerana penggunaan kata buah, punting dan kumpulan tidak digunakan untuk yang jumlah tidak semuanya nyata seperti garam, gula dan sebagainya. Dalam sampel di atas ayat (S8) merupakan contoh penggunaan kata cubit yang tepat dalam ayat untuk kata bilangan.

Jadual 4: Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama dari Golongan Kata Benda


Salah	Betul
S9. ...kerumah	...ke rumah
S10. ...dinegara	...di negara
S11. ...pada malam	...pada waktu malam
S12. ...dikawasan	...di kawasan
S13. ...ditempat	...di tempat
S14. ...dilembaran	...di lembaran
S15. ...diatas lantai	...di atas lantai

Huraian: Kata sendi **di** dan **ke** digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama daripada subgolongan kepada golongan kata benda yang menunjukkan tempat perlu dijarakkan. Dalam Jadual 4 di atas penggunaan kata sendi tempat, iaitu **di** dan kata sendi arah, iaitu **ke** tidak digunakan dengan betul dalam penulisan pelajar Cina ini sehingga menyebabkan berlakunya kesalahan dalam penggunaan kata sendi nama yang merujuk tempat dan arah. Kata sendi nama **di** hendaklah dieja jarak dengan perkataan yang mengikutinya, manakala awalan kata kerja **di** dieja rapat.

Berdasarkan Jadual 4 di atas, terdapat kesalahan penggunaan imbuhan “**di-**” dalam contoh skrip jawapan sampel tersebut. Dalam contoh di atas, penggunaan imbuhan awalan “**di-**” adalah tidak tepat. Imbuhan awalan “**di-**” telah ditulis secara rapat dengan kata nama, iaitu kata “**dinegara**”, “**dikawasan**” “**ditempat**”, “**dilembaran**” dan “**diatas lantai**”. Sedangkan dalam proses pembentukan kata secara

pengimbuhan, imbuhan awalan “**di-**” perlu ditulis secara terpisah dengan kata nama. Justeru, kesalahan yang terdapat dalam contoh di atas, perlu diperbetulkan menjadi “**di negara**”, “**di kawasan**”, “**di tempat**”, “**di lembaran**”, dan “**di atas lantai**”. Dalam pada itu, kesalahan ini berlaku disebabkan pelajar keliru dalam penggunaan imbuhan awalan “**di-**” dan kata sendi nama arah “**di**”. Mengikut hukum nahu, kata sendi nama “**di**” sememangnya ditulis terpisah dengan kata yang berikutnya. Kata-kata tersebut terdiri daripada kata nama, kata arah, dan kata ganti nama tunjuk. Manakala imbuhan awalan “**di-**” pula perlu ditulis rapat dengan kata kerja sahaja. Jadinya, bolehlah disimpulkan bahawa pelajar keliru dengan penggunaan imbuhan awalan “**di-**” dengan kata sendi nama “**di**” serta kata sendi arah “**ke**”, iaitu **kerumah** yang sepatutnya ditulis secara terpisah sebagai **ke rumah**.

Kata sendi ialah sejenis partikel yang diletakkan di depan kata penuh, baik kata nama, kata kerja, atau kata adjektif. Kata sendi juga dikenali sebagai kata depan atau preposisi. Berdasarkan contoh di atas, kesalahan kata sendi nama ini berlaku kerana pelajar keliru dalam menggunakan kata sendi **di** dan kata sendi nama **ke** dengan betul. Kata sendi nama **di** digunakan untuk menunjukkan tempat manakala kata sendi **ke** digunakan di hadapan frasa nama yang menunjukkan tempat, arah dan masa (Nik Safiah Karim et al., 2015). Hasil analisis skrip jawapan sampel didapati kesalahan ini kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina ini.



Carta Pai 1: Kekerapan Kesalahan Morfologi Mengikut Golongan Kata Benda

Dapatan kesalahan morfologi golongan kata karyaan mengikut penggolongan kata Nahu Melayu Mutakhir dalam kalangan pelajar Cina yang telah dikaji dipaparkan seperti berikut:

Jadual 5: Kesalahan Penggunaan Kata Kerja Transitif dari Golongan Kata Karya

Salah	Betul
S16. Puan Haliza sedang melalaikan sarung bantal itu dengan kekabu.	S19. Puan Haliza sedang mengisikan sarung bantal itu dengan kekabu.
S17. Puan Haliza sedang mengasingkan sarung bantal itu dengan kekabu.	
S18. Puan Haliza sedang meletakkan sarung bantal itu dengan kekabu.	

Huraian: Kata kerja boleh didahului oleh kata bantu dan wujud dalam bentuk aktif dan pasif serta mempunyai jenis tak transitif atau transitif adalah daripada subgolongan kepada golongan kata karya. Kata kerja perbuatan luar sendiri adalah perbuatan yang dilakukan pada orang atau benda lain. Makna luar sendiri pada perkataan tertentu itu termaktub dalam kata dasar sendiri atau juga didukung oleh penambah *me-*, *-kan* dan *-i*. Berdasarkan Jadual 5 di atas, kata kerja umum sepatutnya dipilih dan digunakan berdasarkan konteks dan maksud seperti contoh yang berikut: **mengisikan** yang membawa maksud memasukkan sesuatu. Penggunaan kata kerja terbitan hasil imbuhan apitan *meN-*kan diletakkan sesudah kata dasar yang merujuk tempat atau bekas dengan makna memasukkan adalah lebih tepat dan betul jika digunakan dalam ayat di atas. Sebaliknya penggunaan kata kerja transitif **melalaikan**, **mengasingkan**, dan **meletakkan** tidak menepati konteks dan maksud ayat menyebabkan mereka melakukan kesalahan dalam penulisan mereka. Ayat (S16), (S17) dan (S18) salah kerana perkataan **melalaikan**, **mengasingkan**, dan **meletakkan** tidak sesuai dengan maksud dan konteks ayat. Ayat (S19) merupakan contoh yang paling tepat untuk kata kerja tersebut.

Jadual 6: Kesalahan Penggunaan Kata Ganda Berentak dari Golongan Kata Karya

Salah	Betul
S20. Keadaan jalan raya di bandar yang berulang-alik itu telah menyebabkan kami tersesat.	S23. Keadaan jalan raya di bandar yang bersimpang-siur itu telah menyebabkan kami tersesat.
S21. Keadaan jalan raya di bandar yang berliku-liku itu telah menyebabkan kami tersesat.	
S22. Keadaan jalan raya di bandar yang bersilang-silang itu telah menyebabkan kami tersesat.	

Huraian: Jadual 6 di atas menunjukkan kesalahan penggunaan golongan kata ganda berentak daripada subgolongan kata karya. Menurut Asmah Haji Omar (274: 2015) kata sifat ganda berentak **bersimpang-siur** menunjukkan jalan raya yang mempunyai banyak simpang untuk dituju. Kata ganda dibentuk daripada proses penggandaan yang mengulang seluruh kata atau sebahagian kata, yang boleh berlaku dengan empat cara, iaitu penggandaan penuh, penggandaan kata dasar, penggandaan suku kata pertama, dan penggandaan berima. Jadi, dalam ayat (S23) penggunaan kata ganda berentak atau berima adalah **bersimpang-siur** lebih tepat untuk maksud ayat tersebut. Pelajar melakukan kesalahan bahasa jika menggunakan kata ganda **berulang-alik**, **berliku-liku**, dan **bersilang-silang**. Kata bersimpang-siur merupakan penggandaan berima untuk golongan kata sifat, manakala perkataan berulang-alik merupakan penggandaan menyaling untuk golongan kata kerja. Seterusnya, perkataan berliku-liku dan bersilang-silang penggandaan untuk kata sifat berlapis yang mendapat penambahan awalan *ber-*. Ayat (S20), (S21), dan (S22) salah kerana tidak sesuai untuk memberi makna keadaan jalan raya yang mempunyai banyak simpang sehingga menyebabkan kesukaran mencari arah yang betul untuk di tuju malah boleh menyebabkan kita tersesat arah.

Jadual 7: Kesalahan Penggunaan Kata Terbitan dari Golongan Kata Karya

Salah	Betul
S24. Pemain tersimpan yang baru sahaja memasuki padang itu telah menjaringkan gol.	S27. Pemain simpanan yang baru sahaja memasuki padang itu telah menjaringkan gol.
S25. Pemain penyimpanan yang baru sahaja memasuki padang itu telah menjaringkan gol.	
S26. Pemain menyimpan yang baru sahaja memasuki padang itu telah menjaringkan gol.	

Huraian: Berdasarkan ciri morfologi, penggolongan kata diteliti dari aspek imbuhan, iaitu imbuhan dijadikan ciri bagi menunjukkan keanggotaan sesuatu kata ke dalam golongan tertentu. Contohnya bagi kata nama, imbuhan yang biasanya membentuk kata nama ialah imbuhan *peN-*, *per-...-an*, *pe-...-an*, *ke-...-an* dan *-an* (Asmah Haji Omar, 1962: 442; LawYock Fang, 1967: dan 1984). Oleh itu, imbuhan ini, apabila digandingkan dengan kata dasar, akan membentuk kata terbitan yang tergolong dalam kata nama. Jadi kata **simpan** mendapat imbuhan akhiran *-an* membentuk kata terbitan yang tergolong dalam kata nama. Penggunaan kata **tersimpan**, **penyimpanan**, dan **menyimpan** merupakan kata terbitan hasil imbuhan kata kerja awalan dan apitan yang membawa fungsi dan makna yang pelbagai dan tidak tepat digunakan dalam ayat di atas. Merujuk Jadual 7 di atas penggunaan kata tersimpan, penyimpanan dan menyimpan adalah tidak tepat dalam ayat (S24), (S25) dan (S26). Ketiga-tiga kata tersebut berfungsi sebagai kata kerja dan tidak menepati maksud dalam ayat. Justeru, penggunaan kata simpanan ayat (S27) adalah pilihan kata yang betul. Menurut Asmah Haji Omar (55: 2015) kata simpanan merupakan kata nama berlapis daripada kata kerja simpan. Penggunaan kata simpanan setelah mendapat imbuhan akhiran *-an* membawa maksud sesuatu yang disimpan dan digunakan apabila diperlukan (pemain). Penggunaan kata simpanan mendapat penambahan akhiran *-an* merupakan kata berlapis yang berfungsi sebagai kata nama yang sepatutnya digunakan dalam ayat di atas.

Jadual 8: Kesalahan Penggunaan Kata Perintah dari Golongan Kata Karya

Salah	Betul
S28. Jemput jangan mudah putus asa jika kamu mahu berjaya.	Jangan mudah putus asa jika kamu mahu berjaya.
S29. Jemput kalian berani datang ke sini lagi.	Jangan berani datang ke sini lagi.
S30. Sila minta kamu bersabar dengan apa yang terjadi.	Minta kamu bersabarlah dengan apa yang terjadi.
S31. Tolong jangan kamu bermain di sini.	Jangan kamu bermain di sini.

Huraian: Ayat (S28), (S29), (S30) dan (S31) dalam Jadual 8 di atas salah kerana ayat tersebut merupakan gabungan ayat sila dan ayat larangan. Hal ini tidak dibenarkan dalam bahasa Melayu. Oleh itu perkataan **sila**, **tolong**, **minta**, **jemput**, **jangan** tidak boleh hadir serentak dalam ayat larangan. Penggunaan kata perintah perlu sesuai dengan maksud ayat yang dibina sama ada untuk tujuan **permintaan**, **silaan**, **ajakan**, **harapan** atau **larangan**. Dalam hal ini kesalahan penggunaan kata perintah daripada subgolongan kata karya sepatutnya untuk tujuan larangan dalam ayat di atas ialah penggunaan kata perintah **jangan**, manakala untuk tujuan permintaan ialah kata perintah **minta** atau **silaan**.



Carta Pai 2: Kekerapan Kesalahan Morfologi Mengikut Golongan Kata Karya

Dapatan kesalahan morfologi golongan kata adverba mengikut penggolongan kata Nahu Melayu Mutakhir dalam kalangan pelajar Cina yang telah dikaji dipaparkan seperti berikut:

Jadual 9: Kesalahan Penggunaan Kata Hubung dari Golongan Kata Adverba

Salah	Betul
S32. Barangan buatan Malaysia bukan sahaja berkualiti supaya lebih murah berbanding barangan import.	S35. Barangan buatan Malaysia bukan sahaja berkualiti malahan lebih murah berbanding barangan import.
S33. Barangan buatan Malaysia bukan sahaja berkualiti untuk lebih murah berbanding barangan import.	
S34. Barangan buatan Malaysia bukan sahaja berkualiti atau lebih murah berbanding barangan import.	

Huraian: Kata hubung perlu digunakan berdasarkan tugasnya sebagai kata hubung gabungan atau pancangan. Oleh itu perkataan ini tidak boleh bergantian dalam ayat. Ini kerana fungsi kata hubung **supaya, untuk, atau, malahan** adalah tidak sama dalam ayat. Kata penghubung ialah sejenis partikel yang berfungsi untuk menghubungkan bahagian-bahagian ayat. Kata penghubung boleh menghubungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa, kata dengan frasa, dan klausa dengan klausa. Dalam hal ini, kata penghubung dibahagikan kepada dua subgolongan utama, iaitu kata penghubung setara dan kata penghubung tak setara. Kata penghubung setara menghubungkan unsur-unsur yang setara sifatnya. Penghubungan kata dengan kata, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa perlu menggunakan kata hubung yang sesuai untuk maksud ayat. Dalam Jadual 9 di atas, penggunaan kata hubung **supaya** dalam ayat (S32) kata hubung **untuk** dalam ayat (S33) dan kata hubung **atau** dalam ayat (S34) adalah salah kerana tidak sesuai untuk maksud ayat tersebut. Penggunaan kata hubung **malahan** dalam ayat (S35) di atas adalah paling sesuai untuk maksud ayat tersebut.



Carta Pai 3: Kekerapan Kesalahan Morfologi Mengikut Golongan Kata Adverba


Sebagai rumusannya, analisis dapatan kajian ini menunjukkan terdapat 676 kesalahan morfologi yang dilakukan oleh pelajar Cina. Jumlah ini merangkumi ketiga-tiga aspek golongan kata. Secara purata, setiap sampel telah melakukan lebih 10 kesalahan morfologi, dari segi kesalahan penggunaan kata dari golongan kata benda sebanyak 215, iaitu (31,8%), golongan kata karyaan berjumlah 387, iaitu (57,25%) dan golongan kata adverba sebanyak 74, iaitu (10,95%).

Jadual 10: Kekerapan Kesalahan Morfologi Mengikut Golongan Kata Nahu Melayu Mutakhir Pelajar Cina Yang Telah Dikaji

Golongan Kata	Kekerapan	Peratusan (%)
Golongan Kata Benda	215	31.8
Golongan Kata Karyaan	387	57.25
Golongan Kata Adverba	74	10.95
Jumlah	676	100

Berdasarkan ketiga-tiga golongan kata tersebut kesalahan tertinggi dilakukan ialah golongan kata karyaan yang merangkumi kata kerja dan kata sifat. Kesalahan kedua tertinggi pula adalah kesalahan golongan kata benda, iaitu kata nama, kata ganti nama dan kata bilangan. Kesalahan paling rendah adalah golongan kata adverba yang merangkumi kata tugas. Berdasarkan kesalahan morfologi dalam Kertas Ujian AR2 pemahaman dan penulisan bahasa Melayu pelajar Cina, tidak dinafikan bahawa gangguan bahasa ibunda serta kelemahan penguasaan morfologi dalam pembelajaran bahasa Melayu mendorong pelajar melakukan kesalahan morfologi ini. Benarlah, dapatan kajian ini ternyata selari dan disokong oleh pandangan Zamri Mahamod (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa permasalahan wujud apabila pelajar tidak dapat bertutur dalam bahasa Melayu kerana pengaruh bahasa ibunda atau bahasa dialek yang sangat menebal dalam diri pelajar Cina. Pandangan ini turut disokong oleh Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod, Mohammed Azlan Mis (2021) dalam kajian mereka yang mendapati antara faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa pelajar dalam penulisan karangan adalah pengaruh bahasa ibunda. Seterusnya, dapatan kajian ini turut disokong oleh Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farakhanna Mohd Rosli, Nor

Faizah Abdul Jobar, Norazimah Zakaria (2021) dalam kajian mereka terhadap kemahiran bertutur bahasa Melayu pelajar Cina menunjukkan kesilapan yang berlaku berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda, iaitu bahasa Mandarin dan disebabkan faktor interlingual pelajar Cina yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang lemah.



Carta Pai 4: Kekerapan Kesalahan Morfologi Mengikut Golongan Kata Nahu Melayu Mutakhir
 Dapatan dan perbincangan kajian menunjukkan banyak kesalahan morfologi dari aspek kata dan golongan kata yang dilakukan oleh pelajar Cina telah berjaya dikenal pasti. Kesalahan ini selari dengan kesalahan bahasa yang kerap berlaku oleh penutur bahasa kedua menurut Teori Analisis Kesalahan Bahasa yang dinyatakan oleh Corder (1981) yang menyatakan kesalahan bahasa sebagai kegagalan menggunakan bahasa dengan situasi yang tepat dan pertuturan yang melanggar bentuk-bentuk pertuturan penutur natif. Kesalahan morfologi yang pelbagai turut dikenal pasti melibatkan pelbagai golongan kata yang dikaji. Corder (1981) yang menyatakan bahawa antara kesalahan bahasa yang berlaku disebabkan oleh kesalahan morfologi, sintaksis dan mekanis.

Antara punca yang dikenal pasti yang menyebabkan para pelajar kerap melakukan kesalahan bahasa ialah penukaran atau menghilangkan sesuatu bahagian ujaran seperti bunyi, morfem, perkataan, dan rangkai kata disebabkan penguasaan kata daripada golongan kata bahasa kedua yang terhad atau terbatas. Dapatan ini senada dengan dapatan kajian oleh Nurul Ain Alizuddin & Nur Athirah Nik Mohd Arif (2021) dalam kajian kesalahan morfologi pelajar antarabangsa mendapati bahawa penguasaan bahasa Melayu pelajar pada tahap asas dan kosa kata yang terhad menyebabkan pelajar mendapat markah yang rendah dalam penulisan esei. Dapatan ini menjelaskan bahawa kesalahan juga berlaku akibat kekurangan pengetahuan tentang pembelajaran di samping kegagalan mengaplikasikan penggunaan bahasa dengan konteks yang tepat. Hal ini mengakibatkan kesalahan bahasa dilakukan oleh pelajar Cina sama ada sengaja atau tidak.

Berdasarkan dapatan kajian oleh pengkaji, SJKC menggunakan bahasa Cina sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran mereka malah Bahasa Melayu juga diajar dalam bahasa Cina oleh guru yang berbangsa Cina. Dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa pengetahuan bahasa Cina tidak membantu pelajar Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu seperti yang dijangkakan. Pendapat ini disokong oleh Mohd Ridhuan (2020) yang berpandangan kebanyakan guru di SJKC menggunakan bahasa Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Cina akan menjadi penghalang kepada pelajar untuk menguasai satu-satu kemahiran bahasa Melayu meskipun mereka memahami maksud yang ingin disampaikan oleh guru. Hal ini kerana istilah serta sebutan yang betul dan tepat dalam bahasa Melayu kerana

guru tidak menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam pengajaran. Natijahnya, pelajar Cina ini mengalami masalah serta kekeliruan seterusnya menjejaskan penulisan pelajar. Malahan, perbezaan sistem bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina telah menyumbang kepada pemindahan negatif semasa mempelajari bahasa Melayu oleh pelajar Cina. Di sini terbuktilah Teori Corder (1981) yang menegaskan bahawa empat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, iaitu pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah ternyata dilakukan oleh pelajar Cina dalam skrip jawapan yang dikaji.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan kesalahan penggunaan kata yang dilakukan oleh pelajar Cina juga berkaitan dengan penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu seperti kata kerja berimbuhan dan kata terbitan seperti yang terdapat dalam sampel jawapan. Pengimbuhan adalah satu proses pembentukan kata yang ada dalam bahasa Melayu yang mudah sifatnya. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan jenis kata yang ada dalam bahasa Melayu dibentuk dengan proses pengimbuhan. Imbuhan bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Setiap pelajar didapati melakukan kesilapan aspek imbuhan (awalan, akhiran, apitan) kerana mereka keliru dan tidak begitu memahami penggunaan imbuhan dengan betul. Di samping itu, sebagai akibat kurangnya pengetahuan terhadap penggunaan imbuhan dalam bahasa Melayu menjadikan para pelajar menghasilkan imbuhan yang tidak tepat, lantas menjejaskan makna yang ingin disampaikan. Penemuan hasil analisis ini ternyata selari dengan pandangan oleh Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) dalam kajiannya yang mengupas secara mendalam soal imbuhan dan alomorf yang ada dalam bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh pelajar Cina, mendapati kesalahan penggunaan imbuhan yang ketara berpunca daripada ketidakmampuan pelajar menguasai bahasa kedua. Oleh itu, penggunaan imbuhan bahasa Melayu untuk setiap golongan kata menjadi masalah utama kepada para pelajar Cina yang dikaji dalam menghasilkan penulisan. Dapatan ini disokong oleh pandangan Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rosli & Norfaizah Abdul Jobar (2020) yang mendapati pelajar banyak melakukan kesalahan bahasa berkaitan penggunaan perkataan berimbuhan sekali gus tidak dapat menyampaikan makna ayat yang ingin disampaikan.

Secara mudahnya, kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama dan antara kata sendi nama yang lazim digunakan dalam Bahasa Melayu ialah **di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, dengan, dalam**, dan lain-lain. Kata sendi nama **di** digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat dan ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Berdasarkan sampel kajian didapati para pelajar keliru menggunakan kata sendi **di** dan **dalam** dengan betul. Pelajar keliru antara kata sendi **di** dengan kata sendi **dalam**. Pelajar mungkin menganggap bahawa kata sendi **dalam** mempunyai maksud dan fungsi yang sama dengan kata sendi **di**. Berdasarkan kesalahan yang dibuat, jelaslah bahawa dari segi makna mungkin pelajar faham akan ayat yang dibentuk, cuma pemilihan kata sendi yang sesuai masih belum menepati tahap penguasaan bahasa Melayu yang lebih baik.

Para pelajar turut menggunakan beberapa perkataan daripada bahasa Inggeris secara langsung dan cuba ‘memelayukan’ perkataan tersebut dalam ayat yang dibina. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa para pelajar kurang perbendaharaan kata ataupun tidak tahu perkataan yang sesuai untuk maksud dalam ayat tersebut. Oleh itu, untuk menyampaikan mesej dalam ayat, mereka menggunakan strategi mudah, iaitu dengan menggunakan perkataan dalam bahasa Inggeris. Walaupun pembaca memahami mesej yang ingin disampaikan, namun ia tetap menyalahi peraturan bahasa Melayu yang standard. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dengan memasukkan perkataan daripada bahasa Inggeris dianggap perkara yang biasa dan wajar berlaku. Hal ini kerana selain bahasa ibunda, mereka juga terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris. Perkataan seperti **telephone, electric, business, market, and** merupakan perkataan yang digunakan oleh para pelajar.

Seterusnya, kesilapan dalam penulisan turut melibatkan aspek pemilihan kata ataupun istilah. Kebanyakan pelajar kurang memahami penggunaan sesuatu perkataan dalam konteks tertentu. Oleh itu, terhasillah pemilihan perkataan atau istilah yang tidak tepat dalam ayat, seterusnya menjejaskan makna atau

mesej yang ingin disampaikan. Malah, terdapat juga kata-kata atau istilah yang salah sama sekali. Contoh pemilihan kata atau istilah yang tidak tepat dapat dilihat menerusi contoh kata **memetik** merujuk kepada **menutup suis**, perkataan **menutup** merujuk kepada **memadamkan** dan contoh rangkai kata **lapkan air di lantai** merujuk kepada **mengemop lantai**, **letak di tempat tinggi** bermaksud **menyimpan di tempat yang selamat (rak/almari)**. Secara jelas, didapati perkataan dan istilah yang digunakan dalam ayat tidak menepati nahu bahasa Melayu.

Rata-rata kesalahan yang dibuat oleh pelajar disebabkan mereka tidak faham konteks penggunaan perkataan yang dipilih. Pandangan ini disokong oleh Nora'Azian Nahar (2020) dalam kajiannya yang menunjukkan bahawa perkaitan yang besar antara profesiensi bahasa Melayu dengan pencapaian akademik. Mereka mungkin memahami makna perkataan yang digunakan namun dalam konteks penggunaan dalam penulisan mereka perlu lebih banyak membaca dan membuat latihan serta bimbingan guru. Penguasaan morfologi yang lemah didapati telah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar yang dikaji dalam pembelajaran Bahasa Melayu khususnya malah mata pelajaran lain akan terjejas (Chelliah, S., & Othman, N., 2022).

Pengaruh bahasa pasar dan dialek tempatan juga berlaku dalam data kajian, iaitu perkaitan bahasa pasar dengan penutur atau kaum etnik yang menggunakan bahasa Melayu. Ada juga pelajar terpengaruh dengan struktur ayat bahasa ibunda. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan sarjana Zamri Mahamod (2020) yang mendapati pelajar kerap melakukan kesalahan kerana pengaruh bahasa ibunda dan dialek yang begitu menebal dalam diri pelajar Cina. Apabila mereka membina ayat dalam bahasa Melayu, susunan ayat yang diterjemah daripada bahasa ibunda memungkinkan wujudnya binaan ayat yang tidak betul atau tidak gramatis. Di samping itu, terdapat juga ayat-ayat yang tidak gramatis dan sukar ditafsirkan maknanya ekoran penggunaan golongan kata yang salah. Penguasaan morfologi yang lemah menyebabkan pelajar Cina ini kerap melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan sampel yang dikaji. Pendapat ini selari dengan pandangan oleh (Abdullah Hassan, 2021) menyatakan penggunaan kata yang tepat akan memberi makna yang tepat. Ayat yang gramatis terdiri daripada ayat-ayat yang cukup syaratnya dari segi tatabahasa dan membawa makna penuh. Walaupun begitu, ayat yang cukup syarat dari segi tatabahasa tetapi tidak bermakna, ayat ini menyimpang. Ayat yang sempurna itu mestilah memenuhi kedua-dua syarat, iaitu gramatis dan bermakna.

Tuntasnya, pelajar perlu menguasai morfologi terlebih dahulu. Dengan penguasaan morfologi ini pelajar dapat menggunakan kata yang tepat dalam membina ayat dalam penulisan sekali gus meningkatkan kemahiran berbahasa mereka.

5. Kesimpulan

Sebagai rumusan, kajian ini mendapati bahawa penguasaan morfologi pelajar Cina dari aspek golongan kata masih berada pada tahap kurang memuaskan. Penguasaan morfologi yang lemah mempunyai kaitan rapat terhadap pencapaian mereka dalam peperiksaan khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, iaitu dapatan menunjukkan bahawa gred pencapaian pelajar dalam ujian kertas Bahasa Melayu ini hanya pada tahap memuaskan sahaja. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar berpunca daripada penguasaan morfologi pelajar yang lemah. Dapatan kajian ini signifikan serta mampu untuk membantu para pelajar, guru-guru atau pengajar bahasa kedua khasnya dalam mengenal pasti kesalahan yang kerap dilakukan oleh murid-murid yang mempelajari bahasa kedua. Analisis kesalahan lebih jelas dalam menentukan kesalahan bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua dapat digunakan oleh para pengajar dalam merancang kaedah dan strategi yang lebih sesuai bagi membantu murid bahasa kedua belajar bahasa tersebut dengan lebih baik agar masalah ini dapat diatasi sekali gus meningkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa Melayu pelajar Cina ke tahap yang lebih baik. Untuk meningkatkan pencapaian bahasa Melayu pelajar, strategi ke arah memperkukuhkan penguasaan morfologi pelajar Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu harus dilakukan secara serius agar impak keterampilan bahasa meningkat seterusnya lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan. Implikasi daripada kajian ini mencadangkan keperluan untuk

intervensi yang berfokus kepada peningkatan kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar, serta strategi pengajaran yang lebih berkesan oleh guru untuk mengatasi kesalahan yang dikenal pasti.

Rujukan

- Abdul Rashid, F. (2022). Cabaran Belajar Subjek Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bukan Bumiputera di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 13–22. <https://doi.org/10.37134/bitara.Vol.15.2.2.2022>
- Abdullah Hassan. (2021). *Linguistik Am*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 24-31.
- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod, Mohammed Azlan Mis. (2021). Masalah Pelajar Etnik Bajau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Borneo International Journal*, 4(3), 26-36.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Subramaniam, V. L. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam Kalangan Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-13.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Dewan Bahasa Pustaka.
- Astuti, S.P., Sobari, T., & Aeni, E.S. (2020). Analisis Kesalahan Berbahasa Tataran Fonologi dan Morfologi pada Penulisan Teks Eksplanasi Siswa Kelas VIII SMP PGRI 4 Cimahi. *Jurnal Parole*, 3(1), 21-30.
- Chelliah, S., & Othman, N. (2022). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan pelajar Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), e001509. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1509>.
- Chew Fong Peng & Siti Hajar Abdul Rahman. (2021). Cabaran Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 120-135.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan Edisi Ketiga*. Mc Graw Hill Education.
- Corder, S. Pit. (1981) *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford University Press.
- Hamdani Fajar Apriwulan, Tutut Romania, Mita Restiana. (2021). Analisis Kesalahan Berbahasa Pada Baliho Makanan (Kajian Morfologi). *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 10(1), 65-70.
- Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar, Puteri Roslina Abdul Wahid. (2018). Kecelaruhan Morfologi dalam Penulisan Bahasa Melayu Oleh Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*, 22(22) Disember 2018, 020-036.
- Irmawati, E., Sari, N. P. I., & Kusumahastuti, P. A. (2020). Analisis Kesalahan Berbahasa Bidang Morfologi dan Ejaan pada Judul YouTube di Chanel Baim Paula. *Jurnal Diglosia*, 4(2), 277-289.
- Isabella Jali. (2021). Analysing Grammar Errors in Malay Language Learning. *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, 7(1), 72-85.
- Jeniri Amir. (2015). Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional dalam Masyarakat Malaysia Hari Ini: Peranan sastera dan Bahasa Kebangsaan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Sastera Pelbagai Kaum 2015*. Anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dengan kerjasama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), bertempat di ASWARA.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2019*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023*. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Khoo Phau Liang, Nor Azwahanum Nurshaid, (2021). Keberkesanan Projek Video untuk Memantapkan Penguasaan Kata Kerja dalam Kalangan Murid SJKC. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 1(3), 145-159).
- Magesvaran, U., Mahamod, Z., Mahad, I., & Syuhada, I. N. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). In *International Conference on Business Studies and Education* (pp. 44-60).
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar, Norazimah Zakaria, (2021). Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu oleh pelajar Cina: Teori Analisis Kontrasif. *LSP International Journal*, 8(1), 2021, 35–55. <https://doi.org/10.11113/lspi.v8.16906>.
- Nora'Azian Nahar. (2020). Hubungan Profesiensi bahasa Melayu dengan Pencapaian Akademik pelajar Bukan Penutur Natif di Sekolah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 287–316.
- Nur Hanisah Mohd Nor Afandi. (2021). Kesediaan Remaja Berisiko Untuk Berubah Ke Arah Perlakuan Akhlak Yang Baik Di Felda Daerah Bentong. *Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurhidayah Mat Husin, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2023). Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu pelajar Tahun 1 di SJKC dari Perspektif Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 279-292.

- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jobar. (2020). Analisis Kesalahan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Pelajar Dan Hubung Kait Dari Segi Makna Gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 10(1), 77-90.
- Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif. (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu pelajar antarabangsa. *Al-qiyam International Social Science and Humanities Journal*, 4(1), 113-127.
- Nurul Jamilah Rosly & Nor Zainiyah Zarita Mokhtar. (2023). Analisis Kesalahan Tatabahasa dalam Kalangan pelajar Orang Asli Jakun Lenga, Muar Johor. *Asian Journal of Civilization Studies. (AJOCS)*, 5(2):1-11.
- Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Shari. (2020). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dari Aspek Morfologi dalam Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Rendah. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(2): 77-89.
- Zackqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. (2020). Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1), 86-106.
- Zamri Mahamod. (2020). *Linguistik Terapan Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biodata Penulis

Hasanah binti Adon merupakan calon Doktor Falsafah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Penumpuan kajiannya ialah terhadap Penguasaan Morfologi Pelajar Cina dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Tahap 2 di Daerah Asajaya.

Rozita binti Che Rodi (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang Semantik: Semantik Budaya, Semantik Leksikal, Medan Semantik, Pemikiran dan Peradaban Melayu. Beliau pernah mengikuti kursus Pasca Doktorat di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom dengan tumpuan kajian terhadap *Penelitian Kandungan Bustan Al-Salatin Berkaitan Nasihat Syeikh Nur al-Din al-Raniri Kepada Sultan Aceh* dari tahun 2015-2017.

Rohaidah binti Kamaruddin (PhD) merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang Psikolinguistik. Beliau juga berpengalaman luas dalam kajian berkaitan Terapan Budaya dan Terjemahan.

Zuraini binti Jusoh (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang linguistik terapan. Beliau juga berpengalaman luas dalam kajian berkaitan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran.